



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Sebuah artikel lama terbitan bulan Oktober 2018 yang memetik beberapa laporan Nikkei telah ditularkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memberikan gambaran bahawa keadaan ekonomi Malaysia semasa adalah buruk dengan menyiarkan beberapa statistik lama yang kurang memberangsangkan. Artikel berusia lebih daripada 2 bulan tersebut merujuk kepada angka perdagangan bagi bulan Ogos 2018 dengan menyatakan bahawa lebih dagangan bagi bulan tersebut yang berjumlah RM1.6 bilion adalah yang terendah dalam tempoh 45 bulan sebelumnya. Sebenarnya, persepsi yang diberikan oleh angka bulanan adalah tidak tepat kerana ia tidak mampu menggambarkan prestasi ekonomi Malaysia untuk seluruh tahun.

Ini terutamanya apabila hanya dua bulan kemudian selepas bulan Ogos, lebih dagangan bagi bulan Oktober 2018 telah meningkat kepada paras tertinggi dalam sejarah Malaysia, iaitu RM16.3 Bilion. Eksport pula telah naik 17.7% kepada RM96.4 Bilion pada bulan yang sama dan ini juga merupakan paras tertinggi yang pernah dicatatkan. Peningkatan drastik ini menunjukkan bahawa data bulanan mudah berubah dan sifatnya yang tidak stabil menjadikannya kurang baik untuk dijadikan satu-satunya rujukan berkenaan keadaan ekonomi negara untuk seluruh tahun.

Oleh itu, kita janganlah mudah beralih arah hanya kerana perubahan jangka masa pendek. Terutama sekali apabila gambaran keadaan ekonomi yang menyeluruh hanya boleh diberikan secara komprehensif dengan trend yang berjangka masa lebih panjang. Walaupun perangkaan seperti Indeks Pengurus Pembelian (Purchasing Managers' Index atau PMI) pembuatan terbitan Nikkei yang jatuh ke paras 46.8 mata dalam bulan Disember mungkin relevan untuk bulan tersebut, ia tidak boleh digunakan bagi menggambarkan keadaan ekonomi Malaysia untuk seluruh tahun. Malah, angka PMI mungkin akan naik dalam bulan-bulan mendatang seperti mana prestasi perdagangan bagi bulan Oktober 2018 telah meningkat dengan mendadak.

Tambahan lagi, perangkaan dalam jangka masa yang lebih panjang seperti pelaburan langsung asing (foreign direct investment atau FDI) yang diluluskan bagi 9 bulan pertama tahun 2018 telah meningkat 250% kepada RM49 Bilion. Pelaburan ini akan mewujudkan pekerjaan berkualiti untuk rakyat Malaysia dalam masa terdekat. Dari segi prestasi, pasaran saham Malaysia pula adalah yang kedua terbaik dalam Asia Pasifik bagi tahun 2018.

Pada masa yang sama, kadar inflasi bulanan secara purata telah meningkat hanya 1.0% tahun-ke-tahun untuk 11 bulan yang pertama dalam 2018 dan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pemansuhan GST dan pengenalan semula SST. Kadar inflasi dijangka terkawal dalam masa terdekat disebabkan oleh harga bahan bakar yang rendah. Mata wang ringgit juga telah meningkat ke RM4.14 untuk USD1 hari ini, daripada RM4.20 semasa bulan November 2018 semasa ringgit berada pada paras terlemah berbanding mata wang dolar Amerika Syarikat.

Akhir sekali, Malaysia masih mempunyai lebih akaun semasa yang tinggi pada RM22.7 Bilion, atau 2.5% daripada KDNK setakat September 2018. Ini salah satu faktor mengapa agensi penarafan antarabangsa telah memutuskan untuk mengekalkan penarafan kredit Kerajaan dan juga mendorong Bloomberg untuk menobatkan Malaysia sebagai negara terbaik dalam senarai 20 pasaran baru muncul (emerging markets) untuk tujuan pelaburan. Imbangan akaun semasa negara dijangka akan terus kekal positif untuk tahun ini.

Saya ingin tegaskan bahawa sistem perbankan Malaysia mempunyai kecairan yang mencukupi manakala sistem monetari negara berada dalam keadaan yang sihat dan stabil. Kerajaan akan terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara mampan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

5 Januari 2019

.....